

**NO. SOALAN: 329**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**

**RUJUKAN : 9446**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah Pendatang Asing  
Tanpa Izin (PATI) dan majikan yang telah mengikuti program  
penggajian semula pekerja Asing Tanpa Izin yang tamat pada 30 Jun  
2016.**

**JAWAPAN:**

**Program Penggajian dan Penempatan Semula (Program *Rehiring*) telah dilaksanakan secara atas talian melalui portal *rehiring.imi.gov.my* bermula pada 15 Februari 2016 sehingga 31 Disember 2016 bagi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dari 15 negara sumber sedia ada.**

**Program ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram diberikan permit kerja sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan. Sejak 15 Februari hingga 16 Oktober 2016, sejumlah 193,194 orang PATI telah didaftarkan di bawah Program ini meliputi 133,876 PATI warganegara Bangladesh, 16,693 orang PATI warganegara Indonesia, 7,214 orang PATI warganegara Myanmar dan 35,411 orang PATI lain-lain warganegara. Manakala sejumlah 36,549 orang majikan telah berdaftar bagi tempoh yang sama.**